

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]
TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 155

Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini berkaitan penjualan Bangunan Malaysia di Hong Kong melalui “tender terbuka” dan bilakah siaran pengiklanan dibuat :-

(a) adakah nilai asas hartanah (base price) ditetapkan dan adakah ianya berdasarkan mana-mana laporan penilaian oleh firma penilaian; dan

(b) siapakah yang berjaya dalam bidaan tertinggi, berapakah pembayaran pendahuluan dibuat dan apakah bentuk pembayaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga nilai asas ditetapkan berdasarkan kepada laporan penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Penjualan Bangunan Malaysia di Hong Kong belum dimuktamadkan dan proses tender secara *Request For Proposal* (RFP) untuk melantik ejen harta tanah bagi menguruskan proses penjualan sedang dalam tindakan Kementerian Kewangan. Setelah ejen harta tanah dilantik melalui RFP, penjualan Bangunan Malaysia secara tender terbuka akan diuruskan oleh ejen harta tanah tersebut untuk memastikan pulangan yang terbaik kepada Kerajaan.

Sebelum ini, Kementerian Kewangan telah menerima dua tawaran daripada Hong Kong yang sekurang-kurangnya RM1.6 bilion untuk membeli Bangunan Malaysia dan juga membenarkan Kerajaan Malaysia terus kekal menyewa ruang pejabat sedia ada mengikut harga pasaran.